

~~Berbuah lebat selepas ditanam di kawasan milik JPS sejak tujuh tahun lalu~~

Pokok kurma Baliing jadi tumpuan

BALING - Sebatang pokok kurma daripada 40 pokok yang ditanam di kawasan tebing Sungai Baling dalam kawasan milik Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) sejak tujuh tahun lepas kini berbuah lebat dan sudah berwarna kekuningan yang hampir masak.

Ini adalah kali kedua pokok kurma yang ditanam di sini mengeluarkan buah selepas kali pertama sebatang pohon yang terletak berdekatan Masjid Ridzuaniah di sini berbuah pada 1984.

Ketika itu jawatankuasa masjid berkenaan telah menghadihkan semayang buah berkenaan yang masak kepada bekas Perdana Menteri pertama, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj.

Bagaimanapun, pokok kurma itu dilaporkan tumbang selepas mengeluarkan buah beberapa kali.

Kini pokok kurma yang menge-

luarkan buah turut mendapat perhatian masyarakat di sini termasuk masyarakat Cina.

Ini adalah kerana pokok kurma itu ditanam sebaris di hadapan bangunan perniagaan mereka.

Seorang peniaga kedai memperbaiki basikal yang dikenali sebagai Pin Tau, 61, berkata, sebelum ini beberapa batang pokok itu yang terletak di hadapan kedainya mengeluarkan mayang yang banyak namun tidak berbuah dan kering begitu saja.

"Ini saya kira ajaiblah bila pokok ini sudah berbuah dan hampir masak," katanya.

Seorang penduduk, Shah Bari Din, 66, pula merasa hairan apabila melihat pokok tersebut mula mengeluarkan buah yang lebat terutama di bulan Ramadan ini.

"Sebelum ini saya hanya melihat buah kurma ini ketika di Mekah saja dan tak sangka di Baling pun boleh berbuah lebat," katanya. - Bernama

INFO


Pokok Kurma

- Nama saintifik ialah *Phoenix dactylifera*
- Banyak ditanam di Asia Barat, India, Pakistan, Afrika Utara dan California, Amerika Syarikat (AS)
- Pokok kurma mampu membesar setinggi 37 meter dan hidup sehingga 100 tahun
- Mula menghasilkan buah sekitar umur empat dan lima tahun. Setiap pokok menghasilkan sehingga 40 ke 80 kilogram buah kurma
- Arab Saudi, Iran, dan Iraq merupakan negara pengeluar serta pengeksport utama buah kurma manakala California pula ialah pengeluar utama bagi AS
- Proses pendebungaan berlaku pada suhu 35 darjah Celsius dan buahnya memerlukan suhu yang panas serta kering

KOSMO
13/6/17
MLS-12



SHAH BARI menunjukkan sebatang pokok kurma yang berbuah lebat dan hampir masak di tebing Sungai Baling. Baling semalam.



POKOK kurma ini ditanam sejak tujuh tahun lalu.